

**Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli**

---

**From:** UUM CORPORATE COMM.  
**Sent:** 30 Ogos 2021 10:15  
**To:** UUM - All Staff; UUM - All Students  
**Subject:** BGS UUM Chapter Diiktiraf 'Highest Honors Chapter' 2020-2021



**UUM Corporate Comm.**

**Universiti Utara Malaysia**

30 OGOS 2021 / 21 MUHARAM 1443H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon

**BGS UUM CHAPTER DIKTIRAF 'HIGHEST HONORS CHAPTER' 2020-2021**

**Beta Gamma Sigma**



*The International Honor Society, Beta Gamma Sigma  
is proud to recognize*

**Universiti Utara Malaysia**

*For qualifying as a*

***Highest Honors Chapter***

*For the 2020-2021 academic year*

*Mary A. Dowan*  
Chairman



*[Signature]*  
Secretary-Treasurer

**UUM ONLINE:** Beta Gamma Sigma (BGS) UUM Chapter mengharumkan nama Universiti Utara Malaysia (UUM) dan negara apabila menerima pengiktirafan 'Highest Honors Chapter' oleh BGS International bagi tahun akademik 2020-2021.

Menerusi kenyataan oleh Pengarah Eksekutif BGS, Christina Allrich bertarikh 18 Ogos 2021, BGS UUM Chapter menerima pengiktirafan itu berdasarkan maklum balas yang diterima semasa Tinjauan Tahunan Chapter BGS dan maklumat sedia ada di Ibu Pejabat BGS Global.

Pengiktirafan tersebut adalah petunjuk sebuah kampus yang mana kecemerlangan akademik sangat dihargai dan pegawai-pegawai terlibat bekerja dengan tekun untuk meningkatkan kedudukan Beta Gamma Sigma di kampus berkenaan.

Sementara itu Penyelaras BGS UUM Chapter, Dr. Mazrah Malik berkata, pengiktirafan itu merupakan kali ketiga diterima BGS UUM Chapter.

"Kejayaan ini tidak akan dapat dicapai tanpa sokongan padu oleh pengurusan tertinggi universiti termasuk Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Penolong Naib Canselor UUM COB, Unit Akreditasi AACSB dan Pusat Kecemerlangan dan Kepimpinan Pelajar (UUM SELECT), Jabatan Hal Ehwal Pelajar.

"Pencapaian ini juga adalah pengiktirafan yang hebat kepada semua ahli BGS UUM Chapter yang telah memberikan sepenuh hati dan jiwa mereka dalam memastikan Chapter ini terus berusaha dan bekerja keras walaupun semua orang berjauhan," katanya.

Kejayaan yang dicapai BGS UUM Chapter itu juga bertepatan dengan salah satu strategi yang digariskan oleh UUM SELECT iaitu Award Recipient Project (A.R.T) untuk mengukur kecemerlangan pelajar di bawah naungannya menerusi pencapaian, pertandingan, pengiktirafan akreditasi dan perolehan geran.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.